

## Persepsi Pelajar Terhadap Corak Pengajaran Pensyarah dan Pembelajaran Pelajar SKE di KKMT

Muhd Abu Bakar Muhd Radzi\*, Zuraida Osman dan Mohd Zairil Zainal

Kolej Komuniti Masjid Tanah, Melaka

\*Pengarang Pengantara: abubakar@kkmt.edu.my

### Abstrak

Pengajaran dan pembelajaran adalah sangat penting kepada pelajar dalam memperoleh kecemerlangan akademik. Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat menarik minat pelajar dan dapat mengelakkan pelajar daripada bosan dengan isi pelajaran yang dipelajari. Kajian tinjauan ini dijalankan untuk melihat corak pengajaran pensyarah dan corak pembelajaran pelajar Program Teknologi Elektrik di Kolej Komuniti Masjid Tanah. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar semester 2 & semester 3 bagi sesi 2 2023/2024 iaitu seramai 88 orang. Kajian ini merupakan kajian tinjauan menggunakan kaedah kajian kuantitatif dan instrumen kajian dengan menggunakan borang soal selidik. Data-data dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian SPSS 22.0 yang melibatkan analisis diskriptif. Skor min digunakan untuk menjawab persoalan kajian untuk melihat corak pengajaran pensyarah dan corak pembelajaran pelajar. Dapatan kajian menunjukkan corak pengajaran pensyarah dan corak pembelajaran pelajar berdasarkan persepsi pelajar adalah pada tahap tinggi, namun terdapat beberapa penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh pensyarah dan pelajar agar proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan. Objektif pertama kajian ini adalah mengenalpasti corak pengajaran pensyarah yang perlu dibaiki dan objektif kedua adalah mengenalpasti corak pembelajaran pelajar yang perlu dibaiki untuk meningkatkan kefahaman pelajar berdasarkan persepsi pelajar. Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan, beberapa cadangan boleh digunakan sebagai panduan dalam bidang ini. Antara cadangan ialah menjalan kajian terhadap pensyarah untuk melihat kepelbagaian kaedah pengajaran pensyarah. Selain itu, disarankan juga menjalankan kajian untuk melihat hubungan corak pengajaran pensyarah dengan corak pembelajaran pelajar.

**Kata kunci:** Corak Pengajaran Pensyarah; Corak Pembelajaran Pelajar; Persepsi Pelajar; Sijil Teknologi Elektrik.

## 1.0 Pengenalan

Pensyarah adalah insan yang menggalas tugas yang berat untuk mendidik anak bangsa. (Hasnizawati Hashim et al. 2019). Proses pengajaran dan pembelajaran adalah sangat penting untuk kecemerlangan pelajar. Pedagogi adalah proses sesuatu pengajaran dalam istilah pendidikan yang merujuk kepada kajian tentang prinsip dan kaedah pengajaran. Pensyarah hendaklah bersikap kreatif dan berseni supaya sesuatu pengajaran itu berkesan dan menjadi lebih menarik. Untuk memenuhi tugas ini, pensyarah bukan sahaja perlu mencipta sesi pengajaran yang berkesan dan menarik tetapi mereka juga perlu berusaha menyediakan suasana pembelajaran yang harmoni dan ceria (Ahmad Johari Sihes and Nurshila Abdul Razak 2010).

Kefahaman dan minat pelajar bergantung kepada corak pengajaran berimpak tinggi yang digunakan dalam sesuatu kursus yang di ajar di kolej komuniti. Disamping penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran pensyarah juga satu kemestian di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Saliza Ismail, Norhazlina Husin, Nor Azita Che Din 2022). Oleh itu, bagi menarik minat para pelajar, proses pengajaran dan pembelajaran perlu diberi penekanan yang sewajarnya supaya apa yang disampaikan dapat memberi kefahaman yang maksima kepada pelajar.

Persediaan yang mantap dari segi kemahiran dalam proses pengajaran membolehkan seseorang pensyarah melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan penuh keyakinan. Dengan ini, ilmu pengetahuan dapat disampaikan dengan lebih bersemangat kerana pensyarah mempunyai kesungguhan yang tinggi. Selain itu, faktor lain sesuatu pengajaran yang berkesan adalah interaksi sosial antara pensyarah dan pelajar. Pensyarah juga perlu mewujudkan hubungan dua hala yang baik kepada para pelajar supaya setiap masalah berkaitan pelajar dapat diselesaikan dan para pelajar dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.

Keberkesanan proses pengajaran turut dibantu dengan penggunaan alat bantu mengajar (ABM) yang sesuai. Pelajar akan lebih berminat terhadap sesuatu bahan bantu mengajar yang baharu dan berteknologi terkini. Ini dapat menggalakkan lagi pelajar untuk terus meneroka alam pembelajaran. Proses pengajaran memerlukan satu usaha yang jitu supaya proses pembelajaran pelajar terus berkembang seiring dengan perkembangan semasa. Bagi melahirkan amalan proses pengajaran berkesan, proses pengajaran perlu dinamik melalui usaha daya kreativiti dengan menggunakan teknologi masa kini. Akhirnya sistem pendidikan tinggi turut diperkasa kesan daripada pencapaian kecemerlangan para pelajar hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang di kolej komuniti.

## 2.0 Sorotan Kajian

Pensyarah bukan sahaja mempunyai tugas mengajar dan menyampaikan ilmu, tetapi juga mempunyai peranan pendidikan, iaitu membentuk sikap, nilai dan etika manusia; memberi contoh untuk diikuti oleh semua lapisan masyarakat; membawa perspektif baru yang boleh membawa kepada perubahan dan kemajuan atau dengan kata lain menjadi agen perubahan.

Selain mempunyai sikap yang betul terhadap profesion perguruan, pensyarah juga harus melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan. Peliknya pensyarah yang ingin mengajar sesuatu subjek tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang subjek tersebut. Kajian daripada (Saliza Ismail, Norhazlina Husin, Nor Azita Che Din 2022), Tugas mengajar mesti dirancang dengan teliti sebelum mengajar. Rancangan pengajaran mesti dibangunkan sebelum permulaan semester pengajian. Persediaan mengajar hendaklah dibuat secara terperinci dan alatan pengajaran hendaklah disediakan sebelum pengajaran dimulakan. Persediaan yang rapi akan menjadikan pengajaran yang sistematik, teratur dan terarah menunjukkan apa yang telah dilakukan, di mana pelajar akan dibimbing dan apa kerja yang perlu dilakukan dalam unit kursus. Persediaan pengajaran harus menerangkan secara ringkas apa yang pensyarah akan lakukan, bagaimana pelajar akan mengambil bahagian pada masa tertentu, dan bagaimana interaksi antara pensyarah dan pelajar akan berlaku (Jia Chzin and Surat 2021).

Cara penyampaian pensyarah perlulah menarik dan berstruktur selain penggunaan bahan yang selalu menjadi fokus dalam sesi pengajaran. Produktiviti seseorang pensyarah hanya boleh dipertimbangkan dari segi kejayaan pengajaran. Mereka juga membimbing pelajar membina sahsiah yang baik. Secara khususnya, produktiviti seseorang pensyarah dalam konteks ini dianggap berdasarkan keberkesanan mereka sebagai pensyarah, kejayaan mereka dalam menyampaikan ilmu tentang topik tertentu.

Tugas pensyarah adalah untuk mengajar pelajaran dan mengembangkan pengajaran mereka untuk memaksimumkan potensi pelajar mereka. Keberkesanan pensyarah perlu dipertimbangkan bukan sahaja dari segi kejayaan dalam menyampaikan pelajaran di dalam kelas, dalam erti kata berjaya mengajar atau merangkumi semua kandungan yang terkandung dalam sukatan pelajaran, tetapi juga dari segi kejayaan dalam membimbing pelajar untuk menguasai subjek dan untuk memberi inspirasi kepada pelajar untuk menguasai mata pelajaran tersebut. Berminat untuk belajar lebih daripada apa yang diberikan dan mulakan proses mengumpul pengetahuan dalam bidang ini (Veeramuthu and Abdul Rahman 2021).

Kelayakan profesional pensyarah juga amat penting untuk keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Pembangunan profesional ini perlu merangkumi semua aspek pengajaran dan kepimpinan pensyarah, daripada peringkat perancangan pengajaran, pembangunan pengajaran dan akhir sekali penilaian pelajar untuk melihat pembelajaran mereka (Muhammad et al. 2021; Wang 2003).

Pensyarah juga perlu sentiasa bersedia menambah ilmu latar belakang, ilmu mata pelajaran, ilmu baharu, penemuan dalam bidang pendidikan. Melalui usaha meningkatkan profesionalisme pensyarah, pensyarah akan mengenali diri sendiri, kekuatan, kelemahan dan gaya peribadinya untuk merealisasikan potensi dirinya sebagai penceramah.

Latihan atau tugas ialah istilah umum yang digunakan untuk merujuk kepada apa-apa kerja yang dilakukan oleh pelajar yang berkaitan dengan pelajaran yang telah atau sedang dipelajari. Dalam pengajaran yang baik,

pensyarah bukan sahaja mengajar dengan cara bercakap atau bersyarah tetapi juga melibatkan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. (Haji Mohamad Yunus bin Haji Metusin and Shahrul Nizam bin Salahuddin 2021). Selain itu, penglibatan dengan membuat pelajar bergerak dengan menarik perhatian, bertanya soalan dan menggunakan pengetahuan sedia ada, memberikan tugas lanjutan dan latihan juga merupakan cara untuk menarik penyertaan pelajar secara langsung. Latihan yang diberikan kepada pelajar mestilah konsisten dengan pelajaran yang diajar dan mempunyai matlamat tertentu. Apabila pelajar memahami objektif latihan, mereka akan dapat menyelesaikan tugas mereka dengan baik.

### **3.0 Metodologi Kajian**

Bagi menjalankan kajian ini, penyelidik menggunakan penyelidikan deskriptif jenis tinjauan bagi melihat corak pengajaran pensyarah dan pembelajaran pelajar. Kaedah tinjauan merupakan kaedah pengambilan data dalam satu masa sahaja dan selalunya menggunakan soal selidik. Set soal selidik adalah untuk mengumpul data secara deskriptif kuantitatif. Data berbentuk kuantitatif kerana ianya bersifat numerik iaitu data diperoleh hasil daripada cerapan maklum balas daripada bilangan sampel yang ramai. Dalam proses penyelidikan, borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian kerana ia merupakan satu bentuk kajian deskriptif (Hafiz Bin Idrus 2021).

Set soal selidik boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan dan perasaan. Disebabkan kekangan masa, kaedah menggunakan soal selidik adalah paling sesuai digunakan, dimana kaedah analisis data juga mudah dilakukan (Sarimin 2021). Kaedah deskriptif kuantitatif merangkumi taburan frekuensi, ukuran kecenderungan iaitu min, mod dan median serta ukuran kebolehubahan iaitu julat, varians dan sisihan piawai. Oleh itu, soal selidik diedarkan kepada responden untuk mendapatkan maklumat mengenai perkara ini.

#### **3.1 Objektif kajian**

Objektif pertama kajian ini adalah mengenalpasti corak pengajaran pensyarah yang perlu dibaiki dan objektif kedua adalah mengenalpasti corak pembelajaran pelajar yang perlu dibaiki untuk meningkatkan kefahaman pelajar berdasarkan persepsi pelajar.

#### **3.2 Persampelan**

Populasi kajian adalah seramai 88 orang terdiri daripada pelajar SKE2A, SKE2B, SKE2C dan SKE3 sesi 2:2023/2024 di Kolej Komuniti Masjid Tanah.

#### **3.3 Instrumen Kajian**

Menurut (Muhammad et al. 2021), skor min boleh dibahagikan kepada tiga kategori. Bagi mengenalpasti persepsi pelajar terhadap pensyarah, penyelidik telah membahagikan purata skor min skala persetujuan dalam setiap bahagian kepada tiga tahap seperti Jadual 1.

**Jadual 1:** Jadual Penentuan Tahap

Skor min	Ukuran skor min
1.00 hingga 2.30	Rendah
2.40 hingga 3.70	Sederhana
3.80 hingga 5.00	Tinggi

Penyelidik telah mengubahsuai instrumen kajian dari instrumen yang telah digunakan oleh penyelidik lain dalam kajian lepas. Dengan menggunakan skala kadar, kaedah soal selidik selalu digunakan untuk mengetahui sikap seseorang. Jadual 2 menunjukkan bilangan taburan soalan yang terdapat di dalam borang soal selidik.

**Jadual 2:** Jadual Taburan Konstruk Soalan

Bil	Konstruk	Bil soalan
1	Penyampaian pengajaran pensyarah	10
2	Gaya pengajaran pensyarah	10
3	Corak pembelajaran pelajar	10

Item soal selidik ini menggunakan ayat yang ringkas, padat dan berfokus. Ayat yang digunakan mudah difahami dan tidak mempunyai kebarangkalian untuk ditafsir sebagai dua makna. Setiap item hanya untuk menguji satu indikator dan satu elemen sahaja. Semua item di disusun dalam bentuk positif bertujuan untuk mengumpul maklumat responden, bukan untuk mengujimereka peka atau tidak kepada item-item tersebut. Laras bahasa yang digunakan juga adalah sesuai dengan kumpulan sasar iaitu pelajar kolej yang menjadi responden kajian. Setiap soalan mempunyai lima pilihan jawapan dengan menggunakan skala likert lima tahap. Jadual 3 menunjukkan pelaksanaan pilihan jawapan kaedah skala likert.

**Jadual 3:** Pelaksanaan pilihan jawapan Kaedah Skala Likert Skor min

Skala Likert	Skor
Sangat Tidak Setuju (STS)	1
Tidak Setuju (TS)	2
Tidak Pasti (TP)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju (SS)	5

### 3.4 Kajian Rintis

Menurut (Afif Nawi et al. 2015), kajian rintis ini diadakan kerana tiga sebab iaitu untuk mengetahui reaksi responden, untuk menentukan sama ada maksud soalan boleh difahami atau tidak oleh responden serta untuk menentukan masa bagi responden menjawab soal selidik. bertujuan untuk menguji instrumen dari segi isi kandungan, kebolehpercayaan dan kesahan. Kebolehpercayaan pula ialah ketekalan sesuatu alat dalam melahirkan skor yang setara dimana skor yang sama atau hampir sama diperolehi apabila dilaksanakan sebanyak dua kali pada subjek yang sama manakala kesahan pula bermaksud kebolehan sesuatu instrumen kajian untuk mengukur apa yang hendak diukur. Kebolehpercayaan dan kesahan sesuatu kajian soal selidik boleh diuji dengan menggunakan pekali *Cronbach Alpha*. *Cronbach Alpha* adalah pekali kebolehpercayaan ataupun *reability coefficient* yang

menunjukkan perhubungan antara satu sama lain antara item-item.

Jika nilai pekali Alpha antara 0.6 hingga 0.7, ia boleh diterima dan jika melebihi 0.8 adalah sangat baik manakala nilai pekali Alpha menghampiri 1 bermakna kebolehpercayaannya amat tinggi, baik dan berkesan. Kesimpulannya, kajian rintis yang mencapai nilai pekali Alpha lebih dari 0.6 adalah mempunyai kebolehpercayaan soalan yang boleh diterima. Dalam kajian ini, penyelidik mengubah beberapa item soalan dari segi tatabahasanya bagi menghasilkan soalan bagi mengurangkan kekeliruan dan supaya soalan mudah difahami oleh semua responden.

Di dalam kajian ini, penyelidik telah memilih 10 orang pelajar secara rawak sebagai responden bagi kajian rintis. Berdasarkan analisis kajian rintis yang telah dibuat, nilai pekali Alpha Cronbach yang didapati adalah 0.894 dan ia berada di tahap sangat baik. Ini menunjukkan soalan soal selidik itu sesuai digunakan.

#### 4.0 Analisis dan Perbincangan

Penyelidik membuat analisis data dengan menggunakan skor min, peratus dan sisihan piawai daripada semua responden. Jadual 4 menunjukkan data yang diperolehi daripada konstruk penyampaian pengajaran pensyarah.

**Jadual 4:** Konstruk Penyampaian Pengajaran Pensyarah

No	Item	Min	Sisihan piawai	Tahap
1	Pensyarah boleh menyampaikan bahan pengajaran dengan jelas dan mudah difahami.	4.477	0.77	tinggi
2	Pensyarah memberikan nota yang secukupnya.	3.693	0.66	sederhana
3	Pensyarah menggunakan intonasi suara yang sesuai.	3.591	0.67	sederhana
4	Pensyarah memberikan panduan untuk mendapatkan bahan rujukan yang sesuai.	4.034	0.67	tinggi
5	Menggunakan ABM dalam menyampaikan pengajaran bagi memudahkan kefahaman.	3.568	0.9	sederhana
6	Pensyarah berjaya menjadikan kursus yang diajar sebagai subjek yang menarik.	4.148	0.7	tinggi
7	Pensyarah menggunakan 'eye to eye contact' semasa mengajar.	4.250	0.67	tinggi
8	Pensyarah menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami dalam bilik kuliah.	3.670	0.64	sederhana
9	Mengemukakan soalan di penghujung setiap topik untuk mendapatkan maklumbalas.	4.455	0.66	tinggi
10	Pensyarah memberikan penerangan yang secukupnya semasa sesi pembelajaran.	4.534	0.59	tinggi
	Skor keseluruhan	4.042	0.693	tinggi

Jadual 4 menunjukkan bahawa secara keseluruhan skor min bagi konstruk Penyampaian Pengajaran Pensyarah adalah 4.042 berada pada tahap yang tinggi. Bagi setiap item pula, item tertinggi iaitu item 10 dengan skor 4.534 menunjukkan pensyarah memberikan penerangan yang secukupnya semasa sesi pembelajaran. Item yang mempunyai nilai min terendah adalah item 5 iaitu 3.568 pada tahap sederhana. Pada persepsi pelajar, majoriti responden berpendapat bahawa pensyarah kurang menggunakan bahan ABM dalam menyampaikan pengajaran bagi memudahkan kefahaman.

Penyelidik membuat analisis data dengan menggunakan skor min, peratus dan sisihan piawai daripada semua responden. Jadual 5 menunjukkan data yang diperolehi daripada konstruk gaya pengajaran pensyarah.

**Jadual 5:** Konstruk Gaya Pengajaran Pensyarah

No	Item	Min	Sisihan piawai	Tahap
1	Gambarajah yang diberikan oleh pensyarah menarik dan sesuai untuk kursus yang di ajar.	3.648	0.62	sederhana
2	Pensyarah menggunakan kaedah demonstrasi semasa proses pengajaran yang diajar.	4.148	0.49	tinggi
3	Mengaitkan isi pelajaran di bilik kuliah dengan situasi sebenar di luar.	4.648	0.3	tinggi
4	Semasa sesi kuliah, pensyarah menggunakan pelbagai kaedah pengajaran.	3.557	0.73	sederhana
5	Pensyarah selalu memberikan dorongan agar lebih tekun belajar sehingga tamat pengajian.	3.659	0.53	sederhana
6	Pensyarah sering memberi peluang kepada pelajar untuk bertanya soalan.	4.205	0.48	tinggi
7	Pensyarah menguasai setiap kandungan kursus yang di ajar.	4.250	0.61	tinggi
8	Pensyarah akan menerangkan langkah kerja dengan jelas dan mudah difahami.	3.568	0.66	sederhana
9	Pensyarah membuat rumusan dan penekanan penting di dalam pengajaran.	4.455	0.9	tinggi
10	Pensyarah menerapkan kemahiran generik di dalam aktiviti pengajaran di dalam kelas.	4.625	0.7	tinggi
	Skor keseluruhan	4.076	0.602	tinggi

Jadual 5 menunjukkan bahawa secara keseluruhan skor min bagi konstruk Gaya Pengajaran Pensyarah adalah 4.076 berada pada tahap yang tinggi. Bagi setiap item pula, item tertinggi iaitu item 3 dengan skor 4.648 menunjukkan pensyarah mengaitkan isi pelajaran di bilik kuliah dengan situasi sebenar di luar. Item yang mempunyai nilai min terendah adalah item 4 iaitu 3.557 berada pada tahap sederhana. Pada persepsi pelajar, majoriti responden berpendapat bahawa pensyarah semasa sesi kuliah, kurang mempelbagai kaedah pengajaran.

Penyelidik membuat analisis data dengan menggunakan skor min, peratus dan sisihan piawai daripada semua responden. Jadual 6 menunjukkan data yang diperolehi daripada konstruk corak pembelajaran pelajar.

**Jadual 6:** Konstruk Corak Pembelajaran Pelajar

No	Item	Min	Sisihan piawai	Tahap
1	Semasa penilaian akhir (PA) saya mengulangkaji semula projek-projek yang telah dilaksanakan sepanjang semester.	3.898	0.67	tinggi
2	Saya banyak membuat latihan dan bacaan tambahan untuk kursus yang dipelajari yang diperolehi dari buku rujukan.	3.591	0.77	sederhana
3	Saya tidak bertanggung dalam menyiapkan projek yang diberikan.	4.341	0.8	tinggi
4	Saya memastikan bahawa saya benar-benar faham terhadap kehendak soalan sebelum menyiapkan projek yang diberikan.	4.352	0.59	tinggi
5	Belajar secara berkumpulan banyak membantu saya dalam memahami kursus yang dipelajari.	4.705	0.66	tinggi
6	Saya memperuntukan dua jam sehari untuk tujuan pembelajaran sendiri bagi kursus yang dipelajari.	3.580	0.64	sederhana
7	Saya akan meminta pensyarah untuk memberikan penjelasan semula sekiranya saya kurang jelas dengan apa yang telah disampaikan oleh beliau.	3.682	0.7	sederhana
8	Apabila saya menghadapi kesukaran dalam menyiapkan projek yang diberikan, saya akan berbincang dengan pensyarah untuk mengatasinya.	3.818	0.67	tinggi
9	Persaingan yang wujud di antara saya dan rakan-rakan sekuliah banyak membantu saya dalam meningkatkan prestasi saya dalam kursus yang dipelajari.	4.523	0.53	tinggi
10	Pada keseluruhannya, projek yang diberikan banyak membantu saya meningkatkan prestasi saya di dalam kursus yang dipelajari.	4.625	0.49	tinggi
	Skor keseluruhan	4.111	0.652	tinggi

Jadual 6 menunjukkan bahawa secara keseluruhan skor min bagi konstruk Corak Pembelajaran Pelajar adalah 4.111 berada pada tahap yang tinggi. Bagi setiap item pula, item tertinggi iaitu item 5 dengan skor 4.705 menunjukkan pelajar belajar secara berkumpulan banyak membantu mereka dalam memahami kursus yang dipelajari. Item yang mempunyai nilai min terendah adalah item 6 iaitu 3.580 berada pada tahap sederhana. Majoriti responden tidak bersetuju bahawa mereka ada memperuntukan dua jam sehari untuk tujuan pembelajaran sendiri.



Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan proses yang penting kepada pelajar di mana proses pengajaran dan pembelajaran menentukan kejayaan seseorang pelajar memahami isi pelajaran yang difahami. Oleh itu, corak pengajaran dan pembelajaran yang berkesan mampu meningkatkan kecemerlangan seseorang pelajar.

#### **4.1 Corak Pengajaran Pensyarah**

Proses pengajaran pensyarah adalah sangat penting bagi menentukan pengajaran yang disampaikan berkesan dan dapat diterima serta boleh difahami oleh para pelajar. Pengajaran yang berkesan dapat dilihat melalui penggunaan bahasa dan memberi penerangan yang mudah difahami oleh pelajar. Ini menjadikan pelajar dapat menerima pengajaran yang diajar dengan lebih bersemangat. Hasil kajian jelas menunjukkan bahasa penggunaan bahasa yang mudah untuk difahami sewaktu menerangkan sesuatu topik pelajaran kepada pelajar dalam kalangan pensyarah adalah sangat tinggi. Selain itu, memberi penerangan yang secukupnya mengenai sesuatu yang hendak diajar dan memberi panduan kepada pelajar untuk mencari bahan rujukan juga adalah tinggi.

Namun begitu, penerangan yang jelas sahaja tidak cukup untuk menarik minat pelajar untuk belajar. Kepelbagaian dan teknik pengajaran dalam kalangan pensyarah dapat menjadikan sesuatu pengajaran menarik dan tidak bosan sekaligus dapat menarik minat pelajar untuk terus menerima pelajaran. Hasil kajian menunjukkan bahawa kepelbagaian kaedah pengajaran dalam kalangan pensyarah adalah pada tahap sederhana.

Selain itu, memberi nota yang secukupnya kepada pelajar adalah sangat penting bagi memudahkan pelajar memahami isi pelajaran dan membuat rujukan. Hasil kajian jelas menunjukkan bahawa pensyarah memberikan nota secukupnya bagi memudahkan isi pelajaran adalah pada tahap sederhana. Ini menjadikan pelajar tidak dapat membuat rujukan apabila hendak mencari sesuatu maklumat yang diperlukan.

#### **4.2 Corak Pembelajaran Pelajar**

Corak pembelajaran yang betul dan tepat dapat membantu pelajar memperoleh keputusan yang cemerlang. Ini kerana kaedah pembelajaran pelajar yang berkesan dapat membantu pelajar dalam meningkatkan pemahaman pelajar. Corak belajar secara berkumpulan dapat menjadikan pelajar lebih memahami pelajaran hasil daripada perbincangan dengan rakan-rakan. Ini kerana pelajar tidak kekok apabila berhadapan dengan rakan-rakan berbanding dengan berhadapan dengan pensyarah. Persaingan sesama rakan juga dapat membantu pelajar dalam meningkatkan lagi pelajaran mereka.

Hasil dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar lebih suka belajar secara berkumpulan di mana belajar secara berkumpulan banyak membantu pelajar dalam memahami mata pelajaran yang dipelajari dan persaingan yang wujud sesama rakan banyak membantu dalam meningkatkan prestasi pelajar adalah pada tahap tinggi.

Selain itu, projek-projek yang diberikan juga dapat membantu pelajar dalam

meningkatkan prestasi mereka. Ini kerana dengan adanya projek-projek yang banyak dapat menjadikan pelajar lebih memahami sesuatu projek tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar menyatakan projek yang diberikan banyak membantu mereka meningkatkan prestasi di dalam matapelajaran yang dipelajari. Kebanyakan pelajar juga mengulangkaji semula projek-projek yang telah dilaksanakan serta bahan rujukan yang terdapat dalam folio semasa menghadapi peperiksaan akhir. Namun begitu, sikap pelajar juga penting dalam meningkatkan prestasi mereka. Latihan dan bacaan tambahan yang banyak juga penting dalam memahami isi pelajaran yang dipelajari. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar kurang membuat latihan dan bacaan tambahan untuk mata pelajaran yang dipelajari. Selain itu, pelajar memperuntukkan dua jam sehari untuk pembelajaran sendiri bagi mata pelajaran yang dipelajari adalah pada tahap sederhana. Ini bermakna pelajar kurang mengulangkaji pelajaran di luar waktu kelas.

Secara keseluruhannya, corak pengajaran pensyarah dan pembelajaran pelajar perlu dipertingkatkan lagi agar proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan sekaligus dapat melahirkan pelajar yang cemerlang.

## **5.0 Rumusan dan Cadangan**

Sangat penting untuk pensyarah dan pelajar bekerjasama dengan baik untuk memastikan semua orang belajar dan memahami perkara baharu di kolej. Oleh itu, untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih baik bukan sahaja memerlukan kepada daya kreativiti pensyarah dalam menyampaikan isi pelajaran malah memerlukan daya usaha pelajar dalam mempelbagaikan corak pembelajaran bagi memastikan setiap pelajar mencapai kecemerlangan.

Penyelidik ingin mengemukakan beberapa cadangan berdasarkan kepada dapatan kajian yang diperolehi yang difikirkan berguna dan bernas kepada pensyarah dan pelajar. Disamping itu cadangan untuk kajian lanjutan juga diberikan agar dapat memberikan idea kepada penyelidik yang akan datang dalam memurnikan lagi kajian ini.

### **5.1 Cadangan kepada pensyarah**

Berikut merupakan beberapa cadangan kepada pensyarah dalam menentukan corak pembelajaran pensyarah.

5.1.1 Pensyarah boleh mencadangkan agar pelajar bekerjasama dalam kumpulan untuk mempelajari atau menyemak bahan. Dengan cara ini, pelajar boleh membantu antara satu sama lain dan belajar antara satu sama lain. Ini adalah peluang untuk pelajar yang mahir dalam sesuatu subjek untuk membantu orang lain, dan juga untuk mereka menjadi lebih baik dengan mengajar rakan mereka.

5.1.2 Menyediakan nota atau modul yang lengkap untuk diberikan kepada pelajar. Melalui nota tersebut para pelajar dapat membuat persiapan awal dan bersedia untuk menerima pengetahuan dalam bilik kuliah. Melalui nota ini juga, dapat memudahkan pelajar untuk mengulangkaji pelajaran.

5.1.3 Memperbanyakkan latihan dan tugas kepada pelajar dengan menggalakkan pelajar mendapatkan jawapan sendiri dari bahan-bahan rujukan.

5.1.4 Mempelbagai corak dan kaedah pengajaran dengan mempelbagaikan alat bahan bantu mengajar (ABM) berbentuk animasi, video dan sebagainya supaya dapat memberi kesan kepada pelajar dan menarik minat pelajar untuk belajar.

5.1.5 Menyediakan ruang jadual waktu pensyarah ditempat yang sesuai agar pelajar mudah membuat semakan. Memaparkan dengan jelas jadual masabagi tujuan perundingan supaya pelajar mudah untuk berjumpa dengan pensyarah. Kaedah temu janji boleh digunakan seandainya jadual waktu perundingan pensyarah bertembung dengan jadual pelajar. Pensyarah hendaklah mudah dihubungi oleh pelajar dengan cara mereka berada di meja masing-masing pada ketika waktu yang telah ditetapkan. Selain itu juga setiap pensyarah hendaklah menunjukkan tahap profesionalisma yang tinggi terhadap kerjaya mereka.

## **5.2 Cadangan kepada pelajar**

Berikut merupakan beberapa cadangan kepada pelajar dalam menentukan corak pembelajaran pelajar.

5.2.1 Memperbanyakkan membuat latihan dengan merujuk soalan-soalan dan nota-nota yang lepas walaupun tidak diarahkan oleh pelajar.

5.2.2 Memperuntukkan masa sebanyak dua jam sehari untuk mengulangkaji pelajaran di luar waktu kuliah di kolej.

## **5.3 Cadangan kajian lanjutan**

Penyelidik menyarankan beberapa cadangan lanjutan yang boleh digunakan berdasarkan kepada dapatan kajian yang telah dijalankan, sebagai garis panduan kepada bakal penyelidik yang ingin mendalami kajian dalam bidang ini. Cadangan kajian lanjutan adalah perlu untuk melihat dari segi perspektif yang berbeza. Berikut dikemukakan beberapa saranan kepada penyelidik akan datang iaitu:

5.3.1 Menjalan kajian terhadap pihak pensyarah untuk melihat kepelbagaian kaedah pengajaran pensyarah. Justeru, satu titik pertemuan dapat dihasilkan iaitu proses dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai digunakan.

5.3.2 Menjalankan kajian terhadap corak pengajaran dan pembelajaran dari sudut perbezaan jantina dan perbezaan setiap kursus.

5.3.3 Menjalankan kajian dengan melihat hubungan corak pengajaran pensyarah dengan corak pembelajaran pelajar. Justeru, satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat dicapai.

## Rujukan

- Afif Nawi, Gamal Abdul Nasir Zakaria, Norkhairiah Hashim, and Chua Chy Ren. 2015. "Penilaian Kualiti Modul IPBL: Aspek Kesahan Dan Kebolehpercayaan (Assessing the Quality of IPBL Module: Validity and Reliability Aspects)." *Journal of Quality Measurement and Analysis JQMA* 11(2):1-10.
- Ahmad Johari Sihes, and Nurshila Abdul Razak. 2010. "Persepsi Pelajar Tahun Empat Terhadap Pengajaran Pensyarah Dalam Bahasa Inggeris Di Dua Fakulti, Universiti Teknologi Malaysia." *E-Prints UTM* (11016).
- Hafiz Bin Idrus, Roslinda Binti Rosli. 2021. "Persepsi Pelajar Sarjana Pendidikan Terhadap Gaya Pengajaran Pensyarah Yang Efektif Dalam Kursus Kaedah Penyelidikan 2 (GB6023)." 2(January 2017).
- Haji Mohamad Yunus bin Haji Metusin, and Shahrul Nizam bin Salahuddin. 2021. "Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Islam Negara Brunei Darussalam Kajian Di Universiti Islam Sultan Sharif Ali." *Ar-Rā'iq* 4(1):35-74. doi: 10.59202/riq.v4i1.423.
- Hasnizawati Hashim, Mazlina Suhaimi, Mohd Norafizal Abd Aziz, and Rozieana A. Halid. 2019. "Kriteria Pensyarah Yang Efektif Berdasarkan Persepsi Pelajar:Kajian Kes Di UiTM Pahang." *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 91-99.
- Jia Chzin, Doreen Ting, and Shahlan Surat. 2021. "Sorotan Literatur Bersistemik : Faktor-Faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(12):137-57. doi: 10.47405/mjssh.v6i12.1210.
- Muhammad, Wan, Marzudi Bin, Wan Muhammad, and Politeknik Kota Bharu. 2021. "Kajian Mengenai Persepsi Pelajar Terhadap Modul Kursus Kokurikulum MPU Di Politeknik Kota Bharu." *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi Dan Sains Sosial Vol. 7 Issue 2 (Special Issue-NASCO 2021)* 7(2):3-8.
- Saliza Ismail, Norhazlina Husin, Nor Azita Che Din, Midiyana Mohamad & Sri Qamariah Mohd Samsir. 2022. "Persepsi Pelajar Terhadap Bahan Pembelajaran Konsep Budaya Dan Kosmologi Melayu Secara Dalam Talian." *Malim Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara (Sea Journal of General Studies)* 23(01):113-22. doi: 10.17576/malim-2022-2301-09.
- Sarimin, Ahmad Johari Sihes & Siti Asfarina. 2021. "Keutamaan Ciri-Ciri Pengajaran Pensyarah Yang Baik Daripada Persepsi Pelajar Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor." <https://Core.Ac.Uk/Download/11786086.Pdf>.

- Veeramuthu, Saravanan, and Mohamad Luthfi Abdul Rahman. 2021. "Persepsi Pelajar Terhadap Kesan Pembelajaran Kesusasteraan Melayu Secara Dalam Talian." *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature* 12(Special):58–71. doi: 10.37134/pendeta.vol12.edisikhas.6.2021.
- Wang, Lau Lee. 2003. "Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Pembelajaran Secara Online: Satu Kajian Kes Di Sebuah Institut Pengajian Tinggi Sarawak." Tesis Ijazah *Sarjana Muda* 11.